



## Ketahui rahsia bagi pokok getah yang sihat & produktif

### Kelebihan VITEX

- ✦ Meningkatkan mutu Kandungan Getah Kering (DRC) 30 - 38% tanpa kesan sampingan.
- ✦ Meningkatkan pengeluaran susu getah dari 50% sehingga 200%.
- ✦ Menyuburkan pokok getah supaya daun-daunnya bertambah banyak dan hijau.
- ✦ Menambah ketebalan dan melembutkan kulit pokok getah seterusnya memudahkan kerja penorehan.
- ✦ Keberkesanan keatas kebanyakan klon pokok getah.
- ✦ Mesra alam (tidak mencemarkan alam sekitar dan selamat digunakan).
- ✦ Kos efektif.
- ✦ VITEX dijamin 100% selamat digunakan dan diperkaya dengan nutrien yang diperlukan oleh pokok getah.



### Tentang VITEX

VITEX Industries Sdn. Bhd. merupakan syarikat Malaysia yang mengilangkan produk berasaskan agro yang berjaya. Kami mempunyai kepakaran dalam produk yang menepati kehendak pasaran luar dan dalam negara.

Kajian penyelidikan telah dijalankan oleh bekas penyelidik di Rubber Research Institute of Malaysia (RRIM) yang berpengalaman selama 32 tahun dalam bidang industri kimia.



### Cara-cara Aplikasi

1. Keluarkan getah kering yang melekat pada bahagian torehan pokok getah sebelum membuat torehan baru pada pokok getah yang berpenyakit kulit kering.
2. Gunakan berus lukisan bersaiz kecil (14mm) dan celupkan ke dalam VITEX. Kadar pengambilan / celupan hanya 1 gram sahaja (bersamaan dengan satu celupan).
3. Sapukan VITEX ke alur torehan dengan perlahan. Ulangi untuk memastikan VITEX diserap oleh kulit pokok getah dengan baik. VITEX boleh menyerap ke dalam kulit pokok getah dalam masa 3 jam.
4. Rehatkan pokok-pokok yang sudah dirawat selama 24 jam (satu hari).
5. Penggunaan VITEX hendaklah diulang setiap 5 hari untuk pokok tua dan berpenyakit, 10 hari untuk pokok muda dan sihat.
6. Penggunaan VITEX hendaklah berterusan walaupun kulit pokok telah pulih sepenuhnya untuk mengekalkan produktiviti dan mencegah penyakit pokok getah.
7. VITEX boleh digunakan di dalam musim luruh.
8. Jika hujan turun dalam jangkamasa 4 jam setelah VITEX disapu, ulangi prosedur aplikasi.
9. Untuk pokok yang telah menggunakan perangsang, pastikan pokok direhat selama sebulan sebelum menggunakan VITEX.

**Solusi Dua-Dalam-Satu pertama di dunia untuk menyembuhkan Kulit Kering dan meningkatkan Susu Getah**

